

**KESETIAAN GOCAH PAHLAWAN LAMBANG JATI DIRI
MASYARAKAT MELAYU DELI TERHADAP RAJA (PEMERINTAH)
*THE LOYALTY OF GOCAH WARRIOR AS A SIGN OF DELI MALAY SELF
IDENTITY TO THE KINGS***

Mardiah Mawar Kembaren
University of Sumatra Utara
Medan, Indonesia
mawar282@gmail.com

ABSTRAK

Gocah Pahlawan adalah seorang wira sebagai lambang keagungan keturunan kesultanan Deli. Keagungan tersebut sudah terpatri kuat dalam sejarah sasilah kesultanan Deli yang dikukuhkan lagi melalui hasil karya agung masyarakat Deli dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli.ii Salah satu keagungan tersebut menjadi jati diri masyarakat Melayu Deli dengan makna kesetiaan terhadap raja atau pemerintah yang dizahirkan melalui watak tokoh Gocah Pahlawan.

Kata Kunci: Kesetiaan, Salasilah, Pahlawan, Tokoh, Kekuasaan

ABSTRACT

Gocah Pahlawan was a Deli Malay warrior and symbolised the golden era of the Deli sultanate. The glory of the era was tightly bound to the lineage of the Deli sultanate and further reinforced by the writings of the Deli people entitled "Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli.ii One of the prominent values that defines the Malay

Deli is his loyalty to kings as exemplified by the warrior Gocah Pahlawan.

Keywords: Loyalty, lineage, warrior, figure, power

PENGENALAN

Dalam masyarakat Melayu Deli, nama Gocah Pahlawan sudah tidak asing lagi, bahkan nama tersebut sudah terpampang gagah pada papan tanda dalam bentuk monumen di hadapan istana Maimun Medan. Pada papan tanda tersebut dinyatakan nama dua belas orang raja-raja yang pernah memerintah di kesultanan Deli dan salah satunya disebutkan adalah Gocah Pahlawan. Pada papan tanda yang berbentuk monumen tersebut juga dicatatkan bahwa Gocah Pahlawan memerintah sejak tahun 1632M sehingga tahun 1669M, bahkan beliau dinyatakan adalah raja pertama yang memerintah di Kesultanan Deli.

Gocah Pahlawan dalam asal-usul sejarah Kesultanan Deli

Keterangan sejarah menyebutkan sebelum menjadi Sultan Deli, Gocah Pahlawan merupakan Panglima pasukan Aceh; iaitu, ketika penyerangan ke Balun Aru, (kerajaan Aru). Apabila Balun Aru dapat ditaklukkan pada tahun 1612 M, Gocah Pahlawan diangkat oleh Sultan Iskandar Muda, (Aceh, 1607-1636) sebagai penguasa (Gabenur) militer di bekas kerajaan Balun Aru yang sekarang disebut sebagai Deli Tua, (Ahmadsyah, 2000: 103).

Keturunan Sultan Deli sendiri sepakat dan mengakui bahwa Gocah Pahlawan adalah pengasas berdirinya Kesultanan Deli. Nama Gocah Pahlawan sebenarnya merujuk kepada gelaran yang dianugerahkan Sultan Iskandar Muda (Aceh, 1607-1636), kepada Muhammad Hisamud-din Dalik Khan, (Dada Meuraxa, 1973; Moehammad Said, tt: 11-12). Bukan saja keturunan Kesultanan Deli, dari sudut silsilah sultan-sultan Deli dan sultan Serdang, sebenarnya berasal dari satu rumpun yang sama, iaitu dari keturunan Gocah Pahlawan. Walaupun ada kesamaan pendapat bahawa Gocah Pahlawan sebagai nenek moyang Sultan Deli dan

Serdang, akan tetapi sumber Deli mahupun sumber Serdang, tidak sependapat tentang asal-usul Gocah Pahlawan.

Sumber Deli menghubungkan asal-usul Gocah Pahlawan dengan negara India. Disebutkan bahawa Gocah Pahlawan sebagai orang pertama menurunkan zuriat kesultanan Deli adalah, masih keturunan orang besar India dengan nama asli Mohammad Dalik Khan bin Bahatsit Syekh Matyuuddin Hindustan.ⁱⁱⁱ Nama tersebut menunjukkan bahawa Gocah Pahlawan adalah seorang India yang beragama Islam. Dalam perjalanan beliau ke Nusantara, kapal yang beliau tumpangi mendapat musibah sehingga terdampar di perairan kerajaan Pasai-Aceh. Manakala sumber Serdang meyakini bahawa Gocah Pahlawan bernama Indra Yazid yang berasal dari keturunan raja-raja Bukit Siguntang Mahameru. Ia satu bukit mitos yang dianggap keramat. Yazid kemudian meninggalkan negerinya Pagaruyung, iaitu setelah terjadi perselisihan beliau dengan ayahnya iaitu raja setempat. Dengan menumpang kapal seorang pedagang India dan tertimpa musibah, akhirnya terdampar di Pasai-Aceh. Hal yang menarik dari kedua-dua versi itu adanya persamaan cerita bahawa pada akhirnya Gocah Pahlawan terdampar di Pasai-Aceh.

Gocah Pahlawan dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli

Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli dapat digolongkan sebagai sastra sejarah atau historiografi Melayu sama seperti Hikayat RajaRaja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Aceh, Misa Melayu, Hikayat Patani, Hikayat Siak dan sebagainya. Pengelompokan ini karena pada umumnya karya sastra bercorak sejarah seperti yang disebut di atas, mengandungi sumber informasi masa lalu yang mempunyai nilai sejarah. Seperti untuk mengetahui budaya masyarakat Melayu dan melihat lebih dekat cara pemikiran, silsilah keturunan, falsafah serta the way of life masyarakat Melayu. (Muhammad Yusoff Hashim, 1992:15).

Braginsky (1993) dalam buku beliau yang berjudul *The System of Classical Malay Literature* membagikan empat kategori atau tahap dalam penulisan karya-karya sastra sejarah Melayu.

Kategori tahap awal lebih kepada “myth of origin” atau mitos asal usul. Antara karya yang termasuk dalam kategori ini ialah Salasilah Kutai dan Hikayat Banjar. Tahap kedua yang muncul sekitar tahun 1400-an hingga tahun 1600-an. Pada tahap ini, masih mengekalkan “myth of origin”, tetapi sudah semakin berkurangan, manakala nilai sejarah semakin penting dan diutamakan. Antara karya yang digolongkan ke dalam tahap kedua ini ialah, Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu dan Hikayat Patani. Pada tahap ketiga pula, unsur “myth of origin” hanya sedikit sahaja disinggung oleh pengarang kerana karya itu lebih berkisar kepada “Panegyric Chronicles” yang muncul sekitar tahun 1700-an sehingga tahun 1800-an. Antara contoh karya sastra dalam tahap ketiga ini ialah Hikayat Aceh dan Misa Melayu.

Pada tahap keempat, “myth of origin” hampir-hampir sudah tiada lagi, sebaliknya kandungan karya tersebut lebih berpusatkan kepada aspek penulisan sejarah. Hikayat Johor dan Tuhfat al-Nafis yang dikarang sekitar tahun 1800-an sehingga tahun 1900-an adalah antara contoh karya utama yang muncul dalam dunia penulisan alam Melayu.

Berdasarkan pembahagian kategori atau tahap dalam penulisan sastera sejarah yang diutarakan oleh Braginsky, Hikayat *Keturunan Raja Negeri Deli* bolehlah dimasukkan ke dalam kategori tahap ketiga, iaitu karya yang lebih menekankan aspek “Panegyric Chronicles”. Pandangan ini selaras dengan isi utama Hikayat *Keturunan Raja Negeri Deli* yang mengagung-agungkan seorang tokoh yang bernama Gocah Pahlawan, sebagai pengasas berdirinya Kesultanan Deli.

Kandungan Hikayat *Keturunan Raja Negeri Deli* tersebut lebih utama menonjolkan tokoh legenda sejarah, iaitu legenda yang memperlihatkan kehebatan, kegagahan dan keperkasaan seorang yang bergelar Gocah Pahlawan dalam menakluki negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu. Seorang pembesar kerajaan sebagai tokoh yang paling utama, iaitu seorang panglima perang. Beliau bukan seorang sultan atau seorang raja sebagaimana umumnya yang menjadi tokoh utama dalam genre sastera sejarah. Bahkan hampir keseluruhan episod cerita dalam teks ini menceritakan

keagungan Gocah Pahlawan. Namun episode-episode terakhir dalam teks ini jelas menceritakan salasilah keturunan raja Deli yang menyempurnakan teks ini dalam genre historiografi tradisional Melayu.

Menariknya teks ini, sejarah dan legenda kebesaran, keagungan keperkasaan Gocah Pahlawan tersebut diceritakan dalam bentuk percampuran antara fakta dengan fiksi. Walaupun disampaikan dengan percampuran fiksi namun nilai kesejarahannya masih diwariskan dari generasi ke generasi, bahkan dipercayai oleh masyarakat pendukungnya sehingga kini. Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli secara umumnya memperkenalkan kepada kita teks yang mengisahkan tentang sejarah dan jurai keturunan kesultanan Deli di Sumatera Timur. Adalah satu keberuntungan yang istimewa kerana teks tersebut dapat diguna pakai sebagai sumber sejarah dalam mengungkapkan keberadaan salasilah keturunan masyarakat Melayu Deli. Sesuatu yang sangat utama dalam teks ini ialah berkenaan dengan kehebatan Gocah Pahlawan yang mampu mengatasi kehebatan Sultan Iskandar Muda. Di atas kegemilangan dan keagungan Sultan Iskandar Muda dimunculkanlah seorang watak lain yang lebih unggul dengan gelaran Gocah Pahlawan. Gocah Pahlawan walaupun hanya sebagai pembesar kerajaan Aceh yang berpangkat laksamana tetapi dapat mengharumkan nama Iskandar Muda sebagai Sultan. Bahkan dengan jelas diselitkan bahawa keagungan Sultan Iskandar Muda berkait erat dengan kegigihan Gocah Pahlawan sebagai panglima perang. Hikayat ini menggambarkan seolah-olah tanpa Gocah Pahlawan, Iskandar Muda tidak memiliki apa-apa keistimewaan. Dengan demikian, pengarang Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli coba menggantikan keunggulan tokoh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang sudah terkenal kepada tokoh Gocah Pahlawan yang dimunculkan sebagai pengasas berdirinya kesultanan Deli. Sekali gus pengarang hikayat ingin menyampaikan kepada khalayak bahawa Deli lebih unggul daripada Aceh.

Selain itu, teks ini juga memperlihatkan nilai-nilai pengajaran yang baik, iaitu nilai-nilai moral atau adab dalam ketaatan seorang pembesar kerajaan kepada rajanya yang tidak

berbelah bagi. Adab dalam konteks ini menjurus kepada panduan dan nasihat tentang etika dan akhlak kepada raja dan pembesar kerajaan.

Dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli, Gocah Pahlawan disebutkan sebagai seorang panglima perang Sultan Iskandar Muda-Aceh. Seandainya Gocah Pahlawan disejajarkan seperti tokoh Hang Tuah dalam Hikayat Hang Tuah yang sememangnya diakui oleh kebanyakan masyarakat Melayu sebagai lambang keperwiraan orang Melayu, (Ismail Hamid, 2001:230), mungkin ada kesamaanya; iaitu, Gocah Pahlawan melambangkan keperwiraan masyarakat Deli. Namun ada perbezaan yang sangat kentara dalam hal ini. Masyarakat Deli menjadikan Gocah Pahlawan sebagai pengasas berdirinya Kesultanan Deli, manakala Hang Tuah bukanlah sebagai pengasas berdirinya kerajaan Melaka, melainkan lambang keunggulan wira Melayu zaman kegemilangan Kerajaan Melaka.

Gocah Pahlawan Lambang Jati Diri Masyarakat Melayu Deli

Sebagai seorang wira dan tokoh yang agung, watak dan kepribadian Gocah Pahlawan telah digambarkan serta diceritakan dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli dengan sangat terserlah. Persoalan jati diri yang diperlihatkan kepada peribadi Gocah Pahlawan merupakan identiti sebagai tokoh wira masyarakat Melayu Deli. Maruah dan keperibadian sesuatu bangsa lebih mudah untuk ditentukan melalui penilaian sejauhmana ketulenan dan kekuatan jati diri yang dimiliki oleh suatu bangsa tersebut. Sehubungan itu, konsep jati diri yang dimiliki oleh Gocah Pahlawan sebagai seorang tokoh wira bangsa merupakan antara persoalan penting yang menjadi tumpuan cerita dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli.

Menurut Kassim Ahmad (1964), watak-watak yang diceritakan dalam Hikayat Hang Tuah seperti watak Hang Tuah sendiri, Hang Jebat serta Tun Teja dalam hikayat tersebut menunjukkan keasliannya dan menggambarkan watak-watak bangsa Melayu yang mewakili zamannya. Bersamaan dengan itu, tidak dapat dinafikan watak Gocah Pahlawan dalam Hikayat

Keturunan Negeri Deli juga menggambarkan watak-watak masyarakat Melayu Deli sebagai masyarakat yang melahirkan karya tersebut.

Dalam *Hikayat Hang Tuah*, watak Hang Tuah membawa lambang kesempurnaan bangsa Melayu yang dapat dijadikan sebagai contoh oleh generasi yang terkemudian. Mana kala dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli, watak Gocah Pahlawan membawa lambang kesempurnaan masyarakat Melayu Deli. Ini karena menurut pandangan Kassim Ahmad, setiap perlakuan serta perbuatan Hang Tuah melambangkan keperibadian bangsa Melayu itu sendiri. Demikian jugalah kiranya watak Gocah Pahlawan melambangkan keperibadian masyarakat Melayu Deli. Menurut Hassan Ahmad (1997), penonjolan jati diri Melayu melalui watak Hang Tuah sesuai dengan kehendak atau ciri-ciri karya tersebut yang dianggap oleh kebanyakan sarjana sebagai salah sebuah karya agung bagi bangsa Melayu. Berdasarkan pernyataan ini, dapatlah dinyatakan bahwa lambang jati diri masyarakat Melayu Deli dapat diterokai melalui gambaran watak oleh Gocah Pahlawan. Dimana gambaran tersebut terukir indah dan terserlah dalam *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli*.

Kesetiaan Gocah Pahlawan

Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2008), "Kesetiaan"; Perkataan kesetiaan berasal dari kata "Setia", iaitu teguh hati (dlm hal perkahwinan, persahabatan, dll). Kesetiaan erat kaitannya dengan sikap atau perilaku yang "tetap hati", iaitu sanggup dan rela berkorban kerana orang lain, kerana kasih, mungkin juga kerana sumpah untuk tetap setia selama-lamanya. Berpegang teguh pada janji, patuh, taat kesemuanya itu merangkumi dalam makna kesetiaan. Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli merupakan salah sebuah karya teragung bagi masyarakat Melayu Deli memberikan gambaran sebagai sebuah karya yang mempunyai nilai falsafah yang tinggi menanamkan sikap kesetiaan. Maka tidak mengherankan apabila teks ini telah menjadi sebuah lambang keunggulan masyarakat Melayu Deli melalui watak Gocah

Pahlawan. Mungkin tidak salah kalau dikatakan setara dengan Hang Tuah dalam pandangan masyarakat Melayu pada masa lalu dimana adanya kesetiaan melahirkan kejayaan bangsa Melayu. Dalam bentuk kiasan Gocah Pahlawan adalah merupakan lambang keunggulan Melayu Deli manakala Hang Tuah adalah lambang sejarah kejayaan Melayu (Ahmad Sarji, 2004: 9, Muhammad Haji Salleh, 2000: 60).

Unsur-unsur kesetiaan dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli dizahirkan melalui perilaku Gocah Pahlawan, disaluti dengan hubungan kesetiaan yang berkait jalin antara seorang pembesar kerajaan dengan rajanya. Iaitu hubungan antara Sultan Iskandar Muda sebagai seorang Raja dan Gocah Pahlawan sebagai seorang pembesar kerajaan yang berpangkat laksamana. Segala harapan dan keinginan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sedaya dan upaya akan ditunaikan dengan sepenuh hati oleh Gocah Pahlawan.

Mematuhi Perintah Raja Mengatasi Kehendak Peribadi

Pemikiran yang boleh dikenalpasti menerusi watak Gocah Pahlawan ialah pengarangnya ingin menunjukkan tentang bagaimana pentingnya seseorang pembesar raja itu mentaati rajanya. Mentaati raja menurut konsep ini merujuk kepada tindakan seseorang pembesar itu yang menurut apa sahaja titah yang dikemukakan oleh raja atau sultan yang sedang memerintah. Setiap titah atau perintah oleh sultan yang disampaikan kepada pembesar adalah merupakan suatu perkara yang harus dipatuhi dan dilakukan oleh pembesar Panglima Perang (Gocah Pahlawan) Raja (Sultan Iskandar Muda) Hubungan Kesetiaan tanpa berbelah bahagi. Ini sebagai tanda taat setia pembesar tersebut kepada rajanya.

Menerusi *Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli* ini, pengarang telah mencuba sedaya upaya untuk membuktikan bahawa Gocah Pahlawan merupakan simbol bagi orang Melayu dalam urusan mentaati Raja. Gocah Pahlawan digambarkan sebagai tokoh yang sangat setia dalam menjalankan segala perintah rajanya walaupun kadang-kala tugas yang diberikan tersebut tidak berkenan di hati.

Dengan kedudukannya sebagai seorang pembesar negara, masalah keinginan peribadi harus dikesampingkan atau dikemudiankan bahkan boleh jadi tidak dipedulikan demi kepentingan Raja dan negara. Contoh kepada tindakan Gocah Pahlawan yang menunjukkan kesetiaannya kepada raja ialah menerusi beberapa peristiwa seperti kesanggupan beliau melawan kehendak hati demi mentaati perintah rajanya. Apa sahaja yang diperintahkan oleh Sultan Iskandar Muda, Gocah Pahlawan sentiasa setia. Bahkan satu ketika walaupun Gocah Pahlawan berhajat untuk pulang ke negeri asalnya, kerana rindu dendam ingin berjumpa dengan ayah dan bondanya, akan tetapi disebabkan kesetiaannya kepada Sultan Iskandar Muda, keinginannya untuk pulang ke negeri asalnya tidak diwujudkan. Ini kerana Sultan Iskandar Muda menyuruh Gocah Pahlawan menakluki negeri Sambas. Dengan rela hati, Gocah Pahlawan menurut perintah Sultan Iskandar Muda. Hal ini boleh dibuktikan melalui petikan seperti "Maka Seri Paduka pun terkenanglah ianya pergi meninggalkan negeri dan meninggalkan ayahanda bondanya serta paduka adindanya yang bernama Muhammad Darekan, dan begitulah sudah lamanya meninggalkan tiadalah mendapat wartanya, apalah halnya hidup atau matikah tiadalah diketahui. Maka Seri Paduka pun menangis terkenangkan nasibnya dan bercucuran air matanya. Hal keadaanya menjunjung titahnya Sultan Iskandar Muda akan menaklukkan dengan beberapa negeri yang besar-besar serta merasai sakit sengsara dan susah payah untunglah ditakdirkan Allah Subhanahu Wataala tiadalah akan menyampaikan hukum maut. Maka dari itulah yang ditangkannya oleh Seri Paduka itu. Ada pun sekarang fikirannya jikalau tiada lagi perintah Sultan Iskandar Muda akan pergi menaklukkan negeri-negeri, maka ia pun hendak bermohonlah pulang ke negerinya, kerana sangatlah rindu dendamnya akan ayahanda bundanya, dan serta adindanya (Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli:131)."

Memenuhi Keinginan Raja

Selain itu, terdapat juga beberapa peristiwa lain yang boleh membuktikan akan kesetiaan Gocah Pahlawan kepada rajanya. Misalnya menerusi peristiwa Gocah Pahlawan menakluki negeri Pahang. Gocah Pahlawan rela mara ke hadapan berperang menakluki negeri Pahang demi menyampaikan hajat rajanya membawa Puteri Pahang kehadapan Sultan Iskandar Muda untuk dijadikan permaisuri. Segala harta rampasan perang dan seluruh tawanan perang termasuk dua orang Puteri Pahang yang bernama Puteri Kamariah dan Puteri Chairul Bariyah dipersembahkan kepada Sultan Iskandar Muda sebagai mana yang disebut dalam kutipan berikut, “Ampun tuanku, Zillahi Pil Alam, harap diampuni sembah patik hamba yang hina berpangkat Gocah Pahlawan yang ada termasa sekarang ini di dalam Negeri Pahang datang mengadap ke bawah kaus cerpu Duli yang Maha Mulia Seri Paduka yang dipertuanku Sultan Iskandar Muda yang berdaulat yang berpangkat Sultan Mahkota Alam yang mempunyai takhta kerajaan serta mempunyai kebesaran di Negeri Aceh dengan segala rantau jajahan takhluknya yang bersemayam di istana di kota Darussalam alMa’mur Wal Mashur. Ampun tuanku beribu-ribu ampun, patik hamba yang hina persembahkan dari hal patik menjunjung titah duli syah alam, akan menaklukkan segala raja-raja Melayu. Maka mudah-mudahan berkat daulat tuanku Syah Alam yang baru dapat takhluk enam negeri. Yang pertama negeri Siak, kedua negeri Kedah, ketiga negeri Perak, ke empat Selangor, kelima Johor, keenam negeri Pahang, serta dua orang tuan puteri itu. Puteranya Raja Pahang yang indah baik parasnya dan rupanya seperti empat belas hari bulan, cantik manis barang tingkah lakunya tiadalah bandingannya pada masa itu. Yang tua bernama Tuan Puteri Kamariyah dan yang muda bernama Puteri Chairul Bariah. Maka keduanya tuan puteri itu patik membawa serta enam orang anak rajaraja kerajaan itu dalam satu bulan ini. Patik sekalian mengadap Duli yang Maha Mulia Syah Alam. Ampun Tuanku Daulat demikianlah patik sembahkan adanya.”(Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli: 47)

Taat Pada Raja Yang Adil

Falsafah kesetiaan yang ingin disampaikan melalui watak Gocah Pahlawan lebih kepada dasar falsafah yang lebih menekankan kepada 'Raja adil raja disembah raja zalim raja disanggah, seperti yang disebut dalam kutipan seperti "...ada pun yang adinda datang mengadap ini mempersembahkan dari halnya adinda datang yang sudah menjunjung titah. Yang pertama membunuh orang Tapa di dalam negeri Aceh ini, ke dua melawan Gajah kenaikan bernama Genda Suli dan ke tiga menaklukkan negeri Kedah dan ke empat negeri Perak dan ke lima negeri Selangor dan ke enam negeri Johor dan ke tujuh negeri Pahang dan ke delapan negeri Petani dan ke sembilan negeri Kelantan dan ke sepuluh negeri Kemuja dan ke sebelas negeri Melaka dari pada orang Portugis, ke dua belas menyerang negeri Sambas yang sudah dapat setengah negeri. Maka dari sekalian halnya yang adinda nyatakan itu supaya kekanda boleh ingat hingga sampai diketahui oleh anak cucu- cicit kemudian hari. Maka sekarang adinda bermohonlah pada hari ini adinda tiadalah lagi akan menjunjung titah kekanda dan seperti adinda Putri Chairul Bariyah, telah adinda ceraikan dan boleh kekanda ambil akan menjadi pemijit kaki kekanda". Maka Seri Paduka pun turunlah, merah padam warna mukanya seperti api bernyala-nyala, gemetar tubuhnya, balai pengadapan itu pun bergoyang-goyang laksana digerak gempa lakunya. Maka terpikir Seri Paduka berkata di dalam hatinya, "Jikalau aku habisi Negeri Aceh ini tentu aku dapat, akan tetapi tiadalah patut mendurhaka kepada raja, kerana petua orang tua-tua raja adil raja disembah, raja tiada adil raja disanggah, ertinya disanggah dengan belakang iaitu ditinggal dianya." (Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli:166).

Mengutamakan Kepentingan dan Memuliakan Raja

Selanjutnya Sultan Iskandar Muda bercadang untuk menikah dengan salah seorang Puteri Pahang untuk dijadikan permaisuri Aceh manakala Gocah Pahlawan menikah dengan yang seorang lagi. Untuk itu Sultan Iskandar Muda mencadangkan agar Gocah

Pahlawan terlebih dahulu yang berkahwin daripada Sultan Iskandar Muda sendiri. Walaupun Sultan Iskandar Muda mencadangkan Gocah Pahlawan terlebih dahulu berkahwin daripada beliau, namun Gocah Pahlawan menolak pelawaan tersebut dengan sikap santun. Penolakan tersebut beliau lakukan oleh kerana sangat menghargai rajanya dan lebih mengutamakan rajanya. Ini diperlihatkan apabila Gocah Pahlawan bersedia untuk menikah dengan salah seorang Puteri Pahang dengan syarat kalau Sultan Iskandar Muda bersedia menikah terlebih dahulu baru kemudian beliau. Ungkapan kesetiaan tersebut dapat dilihat melalui kutipan: "Maka Gocah Pahlawan pun telah mendengar titah duli baginda itu. Maka ia pun berfikir di dalam hatinya, tiadalah aku lebih dulu kahwin daripada baginda itu, yang patutnya aku mengiring dari belakang. Maka ia pun telah bertitah kepada bentara, "Hai datuk bentara, bolehlah sembahkan ke bawah Duli baginda yang titahnya itu telah hamba junjung. Akan hamba pohonkan, tiadalah hamba mau, kerana tiadalah patut dan layaknya, kerana sepanjang adat raja-raja tiada begitu, lagi pun jikalau di dengar oleh Raja Pahang puteranya dibuat yang demikian itu niscaya kecil hati lagi pun puteranya itu dipersembhkannya ke bawah duli baginda. Maka hamba sembahkan seboleh-bolehnya duli bagindalah kahwin dahulu di dalam tujuh hari ini supaya dilihat oleh Orang Pahang itu baginda bersanding supaya senang hatinya melihat adat dan istiadat di dalam Negeri Aceh ini."(Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli:56).

Mengagungkan Nama Raja Walau Di mana

Di samping kesetiaan yang telah disebutkan di atas, kesetiaan Gocah Pahlawan yang paling utama dan sangat menonjol diperlihatkan terhadap rajanya ialah membesarkan nama rajanya walau di negeri manapun Gocah Pahlawan berada. Kebijaksanaan dan keagungan Sultan Iskandar Muda senantiasa disebut atau beliau hebahkan kepada Raja di tiap-tiap negeri yang telah ditakluki oleh Gocah. Bahkan dalam kesempatan apapun beliau akan cuba sedaya upaya memperlihatkan kebesaran dan kemuliaan nama rajanya baik di majlis-majlis pertemuan antara pembesar kerajaan

mahupun dalam surat-surat beliau kepada negeri-negeri lain. Begitu juga dengan apa sahaja tingkah laku dan kebijaksanaan yang beliau lakukan, Gocah Pahlawan senantiasa menghubungkan kebijaksanaan tersebut kerana kemuliaan rajanya. Contoh kepada kesetiaan Gocah Pahlawan yang sentiasa membesarkan rajanya dapat dilihat melalui kutipan; “Hai, kekanda Raja Bangkahulu, yang kekanda memuji-muji dan menyatakan dari kebaikan adinda kepada kekanda di hadapan segala majelis raja-raja dan orang besar-besar, maka dari pujian itu yang adinda terima kasih beribu-ribu syukur kepada Tuhan Malikurrahman. Maka dari pujian kekanda itu bukanlah kebaikan adinda yang itu dengan limpah rahimnya dikurniai oleh duli yang Maha Mulia Baginda Sultan Iskandar Muda yang berpangkat Sultan Mahkota Alam raja dari negeri Aceh. Maka dari itu, adinda harap kepada segala raja-raja dan orang besar-besar serta menteri hulubalang yang ada di dalam negeri ini, maulah bersungguhsungguh mengerjakan pekerjaan negeri. Janganlah berdua tiga hati serta dengan melimpahkan rahim dan murah di atas segala hamba rakyat supaya makmur dan masyhur nama yang kepujian segala negeri. Maka segala orang yang mendengar puji-pujian Seri Paduka itu, maka orang itu pun sukalah di dalam hatinya serta ia bercakapcakap sama sendirinya. Patutlah ia rupanya orang berpangkat nama Seri Paduka serta bijaksana pandai berkata-kata gagah beraninya dan setiawannya tiadalah sekali-kali membesarkan dirinya, melainkan membesarkan nama kepada rajanya.” (Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli: 129)

Kesetiaan Gocah Pahlawan terhadap Sultan Iskandar Muda juga dibuktikan dengan kerelaan beliau berkorban demi rajanya, bersedia berperang mara ke hadapan demi menjulung nama rajanya bahkan sekalipun nyawa sebagai gadaianya seperti yang diungkapkan dalam kutipan berikut, “Hai adinda Seri Paduka kepala segala hulubalang pahlawan, yang kekanda serta raja-raja dan orang besar-besar telah sudah berfikir dan musyawarah yang adindalah kekanda harap pergi menyerang negeri Sambas.” Maka Seri Paduka pun telah mendengar titahnya baginda itu, maka ia pun menyembah, mengangkat tangan serta bersembah, “Ampun tuanku duli syah alam, yang patik ini sedia menjunjung titah,

tiadalah sekali-kali mengingkarkan sehabis-habis nyawa dan badan dipersembahkan ke bawah Duli yang Maha Mulia Syah Alam.” (Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli: 133)

Menutupi Aib atau Keburukan

Pada bahagian lain kesetiaan Gocah Pahlawan diperlihatkan menerusi sikap yang berpaksikan kepada sentiasa menyembunyikan keaiban rajanya. Segala keburukan rajanya tidak disebarkan dengan cara membabi buta, bahkan seboleh yang mungkin dirahsiakan dan disorok sedalam-dalamnya agar masyarakat mahupun orang-orang dilingkungan istanapun seboleh mungkin tidak mengetahui keburukan Raja tersebut. Memadailah hanya Gocah Pahlawan sahaja yang mengetahui keburukan raja, beliau tetap menyembunyikannya walaupun keburukan tersebut berkaitan dengan peribadinya sendiri. Kesetiaan yang ditunjukkan Gocah Pahlawan dalam sikap menutupi keburukan rajanya jelas diperlihatkan ketika beliau sedang berperang untuk menakluki negeri Sambas atas arahan Sultan Iskandar Muda. Ketika sedang di medan peperangan, Gocah Pahlawan mendapat tahu dari seseorang bahawa Sultan Iskandar Muda bermukah dengan isteri beliau. Secara mengejut Gocah Pahlawan menghentikan peperangan dan berkata kepada anggota perangnya untuk sementara waktu dia hendak kembali ke Aceh. Selanjutnya mengatakan kepada anggota perangnya andai beliau tidak datang dalam masa satu bulan, semua anggota perang diarahkan kembali ke negeri masing-masing. Gocah Pahlawan tidak memberitahu kepada anggota perangnya bahawa beliau pulang ke Aceh oleh kerana Sultan Iskandar Muda bermukah dengan isteri beliau, tetapi beliau hanya sekadar mengatakan beliau hendak pulang sekejap. Sehingga memberikan tanda tanya dalam hati anggota perangnya dan membiarkan tetap dalam tanda tanya tanpa menjelaskan hal sebenarnya bahawa beliau pulang ke negeri Aceh disebabkan perilaku buruk yang dilakukan rajanya terhadap isteri beliau. Merahsiakan keburukan raja ini dapat dilihat seperti berikut, "Maka Seri Paduka bertitah memanggil segala raja-raja dan orang

besarbesar dan hulubalang pahlawan akan hendak bermesyuarat dari halnya peperangan itu. Maka segala raja-raja itu pun datanglah mengadap. Maka Seri Paduka pun berfikir di dalam hatinya lebih baiklah peperangan ini diberhentikan, dan ianya balik dahulu ke negeri Aceh dengan sebuah kapalnya saja dan segala raja-raja dan orang besar-besar tinggal menanti baliknya Seri Paduka di dalam satu bulan dan jikalau tiada datang, maka segala raja-raja itu pun bolehlah balik masing-masing ke negerinya. Maka diperbuat oleh Seri Paduka demikian itu supaya jangan diketahui raja-raja itu akalnya Seri Paduka. Maka diperbuatnya demikian itu dan jika diketahui oleh raja-raja dan orang besar-besar itu kelakuan Sultan Mahkota Alam telah cenderung hatinya kepada isteri paduka itu yang bernama Putri Chairul Bariyah, maka segala raja-raja dan orang besar-besar itu takutlah kemudian hari orang yang tidak membuat kebaktian kepada raja-raja, sedangkan Seri Paduka begitulah taat dan banyak kebaktiannya mengerjakan kerja raja.(Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli:163-164)

Menentang Kezaliman Raja

Sungguhpun Gocah Pahlawan telah sepenuh hati dan sepenuh daya upaya mempersembahkan kesetiaan kepada Sultan Iskandar Muda, yang dibalas oleh sultan dengan sikap yang tidak sewajarnya. Namun Gocah Pahlawan tidaklah membalas perlakuan raja tersebut dengan menyakiti rajanya ataupun menentang kekuasaan rajanya. Beliau mengambil sikap kezaliman yang dilakukan tersebut dengan meninggalkan rajanya dan tidak lagi bersedia bekerja sama dengan rajanya. Pada bahagian ini apa yang ingin disampaikan pengarang jelasnya "ingin meletakkan Gocah Pahlawan sebagai simbol kepada pembesar raja Melayu untuk mentaati raja". Sejuahmanapun kezaliman seorang raja khasnya yang berkenaan dengan kezaliman individu yang utama adalah sentiasa harus dipertahankan kedaulatan raja dan negara. Manakala untuk menunjukkan sikap menentang kezaliman melalui menjauhkan diri atau tidak lagi bekerja sama dengan raja tersebut. Jelasnya

penentangan terhadap kezaliman raja tidak harus menghancurkan kestabilan negara.

Gocah Pahlawan menunjukkan sikap penentangan terhadap Sultan Iskandar Muda atau golongan pemerintah melalui tindakan berpindah ke kawasan lain yang dianggap lebih boleh menerima dirinya. Walau bagaimanapun dengan sikap yang dilakukan Gocah Pahlawan berpaling ketaatan daripada Sultan Iskandar Muda, justeru sebenarnya memberi kesan yang buruk terhadap Sultan Iskandar Muda. Sekaligus memperlihatkan semakin melemahlah kekuasaan raja oleh kerana orang yang selama ini sentiasa membela keagungan raja telah meninggalkan rajanya. Walaupun penentangan terhadap raja dilakukan dengan cara meninggalkan rajanya seolah-olah tidak memberi kesan apa-apa, pada kenyataannya justeru penentangan yang demikian lebih memberi dampak yang lebih buruk. Dikatakan demikian sebab Aceh kehilangan orang yang setia seperti Gocah Pahlawan.

Berbuat Baik Berpada-pada

Kesetiaan Gocah Pahlawan yang dibalas dengan kezaliman oleh Sultan Iskandar Muda terhadap beliau memberikan kesan yang sangat mengecewakan hati Gocah Pahlawan. Kesetiaan yang tidak berbelah bagi yang selama ini beliau persembahkan dengan sepenuh hati menjadikan sebuah pengajaran bagi diri beliau. Akhirnya Gocah Pahlawan menganjurkan untuk mengambil sikap "berbuat baik berpada-pada" berdasarkan pandangan yang beliau ungkapkan seperti kutipan; "Adapun yang ditangiskannya itu berkenangkan perbuatan Sultan Iskandar Muda melawani bermukah dengan isterinya, tiadalah rupanya Sultan Iskandar Muda itu setia dengan dirinya, dan begitulah beberapa banyak kebaktiannya negeri yang ditaklukkannya, maka isterinya diambil juga. Maka sungguhlah seperti kata orang tua-tua, "Jika Raja Melayu tiadalah harus berbuat baik kepadanya, jikalau masa dahulu kala jika kita membuat baik itu berpala-pala dan membuat derhaka jangan sekali." Maka pada masa sekarang ini buat baik itu berpada-

pada dan membuat derhaka jangan sekali. Itulah petuahnya orang tua-tua.”(Hikayat Ketutunan Raja Negeri Deli:165).

Kekecewaan Gocah Pahlawan terhadap Sultan Iskandar Muda yang kemudian menganjurkan untuk selanjutnya agar sikapnya berbuat baik berpada-pada sedikit sebanyak ada keselarian dengan apa yang disampaikan dalam Hikayat Hang Tuah. Sikap ini tergambar dalam dialog Jebat dengan Hang Tuah yang mengatakan bahawa sikap kesetiaan Hang Tuah adalah terlalu berlebihan. Dialog tersebut dapat dilihat seperti kutipan; “Hang Jebat mengatakan kepada Tuah iaitu “ taat setiamu itu menyebabkan aku tertawa dan begitu anehnya kurasakan sekarang ketika orang yang menitahkan kematianmu ku junjung titahnya sekarang untuk membunuh orang yang membela kematianmu” Hang Jebat berkata lagi kepada Tuah iaitu “ tetapi, Tuah, percayalah kataku ini bahawa keturunan kita yang akan datang, titisan darah dan anak cucu yang bakal lahir atas kemahuan ibu dan ayah mereka atas kehendak seorang lelaki dan seorang perempuan akan menyesali ketaatan kau yang berlebih – lebih.”(Kassim Ahmad, 1979: 289) Selanjutnya apa yang ingin diperlihatkan pengarang adalah meletakkan Gocah Pahlawan sebagai satu simbol kepada orang Melayu khususnya Melayu Deli tentang pantang pembesar kerajaan menderhaka kepada raja. Raja atau sultan merupakan simbol kepada kekuatan institusi pemerintahan di negeri-negeri Melayu. Justeru, selaras dengan kedudukan sultan atau raja yang terletak di peringkat yang paling tinggi dalam struktur organisasi masyarakat Melayu menyebabkan rakyat mahupun pembesarnya begitu mengagungi kekuasaan yang dimiliki oleh pihak raja mahupun sultan. Selain itu, kedudukan sultan dalam masyarakat Melayu dilihat seolah-olah sebagai manusia dewa yang mencipta dan mengatasi undang-undang menyebabkan urusan yang berkaitan dengan raja harus lebih diutamakan daripada urusan peribadi (Kassim Ahmad, 1997: xxx).

Unsur kesetiaan dalam keseluruhan cerita Keturunan Raja Negeri Deli dizahirkan melalui hubungan yang istimewa antara seorang pembesar dengan rajanya. Nilai kesetiaan tersebut berpaksikan hubungan khas yang sentiasa memperlihatkan falsafah

kesediaan sanggup dan rela berkorban apa sahaja. Gocah Pahlawan akan melakukan apa sahaja untuk kepentingan Sultan Aceh sehingga rela mempersembahkan segala usaha beliau untuk terus cuba membela dan mengharumkan nama rajanya.

Gambaran kesetiaan dalam Beberapa Naskah Melayu

Manakala di dalam Hikayat Hang Tuah sebagai tokoh bagi tujuan menanamkan nilai negeri dan pemerintah dalam kalangan orang dapat dilihat melalui tahap kesetiannya yang begitu tinggi terhadap raja Melaka. Kesetiaan Hang Tuah itu adalah dasar falsafah yang menjadi pegangannya 'pantang anak Melayu derhaka kepada raja dan dia tidak akan bertuankan yang lain selain raja Melaka. Falsafah inilah yang menjadi pegangan watak Hang Tuah berdiri teguh di belakang raja Melaka sehingga sanggup menerima dan melakukan apa-apa sahaja demi melindungi dan memertabatkan Raja Melaka (Abu Hassan Sham, 1980: 29). Hal ini dapat dilihat sebagaimana yang disebut dalam kutipan; “Maka Laksamana pun turun ke dalam telaga itu. Maka Laksamana pun menyelam dalam telaga tahi itu; dengan mudahnya juga kuda itu pun ditarik oranglah. Maka kuda itu pun lepaslah dari dalam telaga tahi itu.”(Kassim Ahmad, 1997: 263)

Selain itu, terdapat juga beberapa peristiwa lain yang boleh membuktikan akan kesetiaan Hang Tuah kepada rajanya. Misalnya menerusi peristiwa Hang Tuah yang sanggup mengambil buah nyiur gading yang diidamkan oleh Raden Emas Ayu, kesanggupan Hang Tuah untuk dikuburkan semata-mata kerana Raja Melaka ingin mendapatkan berita dari kubur, dan kesanggupan beliau membunuh teman baiknya sendiri iaitu Hang Jebat yang memberontak kerana ingin membela kematian beliau setelah sultan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Hang Tuah (Kassim Ahmad, 1997: 263). Ketaatan yang ditunjukkan oleh Hang Tuah kepada sultan yang memerintah itu asasnya adalah bergantung kepada konsep yang dipegangnya iaitu “ Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek”. Oleh kerana itulah, Hang Tuah tidak pernah memikirkan sama ada tindakan yang dilakukannya atas perintah

raja itu adalah wajar atau tidak. Menerusi contoh-contoh di atas juga membuktikan bahawa beliau seolah-olah tidak memikirkan dahulu kesan daripada tindakannya sebelum menjalankan segala titah raja. Aspek wajar atau tidak tindakan yang dititahkan raja ke atasnya sudah dianggap tidak penting menyebabkan kadang-kala beliau dilihat seolah-olah seperti tiada perasaan dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Bagi Hang Tuah lagi, kebenaran hanyalah ada pada raja bukan pada sesiapa, maka sangat pentinglah baginya untuk menuruti setiap titah raja (Ahmad Sarji, 2004: 29).

Satu aspek yang menonjol dalam Hikayat Hang Tuah ingin memperlihatkan kesetiaan Hang Tuah kepada Raja Melaka ialah Hang Tuah sanggup menerima hukuman bagi kesalahan yang tidak dilakukannya. Beliau akur menerima hukuman itu walaupun pada dasarnya beliau boleh memberontak atau mempertahankan diri terhadap Raja Melaka. Namun hukuman-hukuman tersebut telah membuktikan kesetiaan Hang Tuah kepada Raja Melaka. Misalnya sewaktu menjalani hukuman buang negeri di Inderapura beliau telah berusaha memujuk Tun Teja yang ingin diperisterikan oleh Raja Melaka. Beliau akhirnya berjaya mempersembahkan Tun Teja dan mendapat keampunan daripada Raja Melaka. Hukuman bunuh yang dijatuhkan Raja Melaka juga tidak mengugatkan tahap kesetiiaannya. Malah Hang Tuah lebih berbakti kepada Raja Melaka dengan mengembalikan kekuasaan dan kedudukan baginda setelah diusir oleh Hang Jebat dari istana. Hang Tuah telah membunuh Hang Jebat yang menderhaka kepada Raja Melaka. Peristiwa inilah yang dianggap puncak kesetiaan Hang Tuah yang tidak berbelah bagi kepada Raja Melaka (Abu Hassan Sham, 1980: 56).

Tidaklah salah kalau dikatakan Hang Tuah merupakan tokoh agung bagi bangsa Melayu. Beliau melambangkan kemegahan serta kekuatan bangsa Melayu serta menjadi lambang keagungan Kerajaan Melayu pada masa itu. Kemunculan, keagungan dan kejatuhan Kerajaan Melayu berhubung rapat dengan Hang Tuah. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kronologinya iaitu ketika Hang Tuah masih kecil Melaka baru dibuka. Setelah Hang Tuah dewasa beliau telah menjadi orang kanan Bendahara. Pada waktu itu

Melaka mencapai puncak kegemilangan atau keagungannya. Selepas Hang Tuah berundur dalam perkhidmatan negeri Melaka dan setelah Hang Tuah tua dan jatuh sakit, Melaka telah diancam oleh Portugis dan selanjutnya jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 M (Kassim Ahmad, 1997: 263).

Sebenarnya unsur kesetiaan sudah lama disoroti dalam teksteks tradisional Melayu. Di samping Hikayat Hang Tuah dengan tokoh Hang Tuahnya seperti yang telah disebutkan di atas, contoh lain boleh diamati seperti apa yang terdapat dalam Syair Awang Samaun dengan tokohnya Awang Samaun. Dalam Syair Awang Samaun, unsur kesetiaan yang dilakukan oleh Awang Semaun kepada rajanya Awang Alak Betatar dapat dilihat dalam tindakan beliau menculik puteri Johor untuk dijadikan isteri oleh rajanya. Awang Semaun berjaya membawa Puteri Johor pulang ke Brunei dan meletakkannya di atas peraduan Awang Alak Betatar. Kesetiaan Awang Samaun diperlihatkan apabila beliau berusaha menyampaikan hajat rajanya melarikan Puteri Johor sehingga dapat dipersembahkan ke hadapan Awang Alak Betatar. Oleh kerana kesetiaan ini Awang Semaun diberi gelaran sebagai Malik Penglima. Kisah ini dapat dilihat seperti dalam kutipan; "Apabila sahaja Awang Alak Betatar mendengar kecantikan Puteri Johor yang bernama Puteri Dang Seri Alam itu daripada cerita burung hagai, baginda pun jatuh berahi dan ingin untuk memperisterikan puteri tersebut. Maka Awang Semaun dengan dibantu oleh Awang Jerembak dan Demang Seri telah dititahkan menculik peteri itu. Untuk menculik Puteri Dang Seri Alam itu adalah merupakan satu cabaran bagi menguji setakat mana kesetiaan dan kewibawaan Awang Semaun selaku wira." (Haji Abd Hamid, 1996: 197).

Unsur kesetiaan yang lain Awang Semaun bila mana beliau telah menumpahkan kesetiaan yang tiada berbelah bahagi kepada Raja Brunei Awang Alak Betatar. Apa-apa saja yang dititahkan kepadanya pasti dilaksanakan dengan jayanya ketika disuruh meluaskan jajahan takluk Brunei walaupun nyawanya sendiri terancam. Awang Semaun dan rakan-rakannya berjaya mengalahkan lanun yang menyerang negeri Brunei. Kekuatan dan kegagahannya menjadikan musuh tewas. Dengan kekuatan

tanggannya Awang Semaun dapat mengalahkan lanun sehingga perahu mereka berpelantingan. Peristiwa itu dapat dilihat dalam bait-bait syair di bawah:

Semaun marah hatinya pusing
penyeluru rupalah anjing binatang
Semaun mengambil sumpitan panjang
dimasukkan opas lalu dijulang

Semaun menyempit ke dalam hutan
himpa mengaris berkurabatan
terbang ke laut nan menerusan
semuanya datang ke Negeri Igan.

Tiga buah karya sastra yang telah disebutkan di atas merupakan teks sastra yang digolongkan dalam hasil karya sastra Melayu asli di mana, masing-masing teks tersebut secara nyata telah menunjukkan unsur kesetiaan yang tidak berbelah bagi terhadap rajanya. Justeru, setiap titah sultan haruslah dijunjung dan dilaksanakan tanpa sebarang persoalan ataupun kritikan. Pembangkangan oleh pembesar kerajaan ke atas titah sultan dianggap cuba mencabar kekuatan dan kedaulatan seseorang raja mahupun sultan menyebabkan tertimpanya 'tulah' ke atas sesiapa yang melanggar perintah raja tersebut. pelanggaran titah raja atau sultan oleh rakyat mahupun pembesar kerajaan ini juga turut dikenali sebagai menderhaka dan oleh itu hukuman akan dijatuhkan kepada mana-mana rakyat atau pembesar kerajaan yang cuba mempertikaikan kedudukan sultan ataupun raja.

Konsep daulat dan tulah merupakan suatu konsep yang perlu difahami oleh orang Melayu pada zaman tersebut. Konsep kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikalek menggambarkan bahawa bagaimana orang Melayu ketika itu begitu mentaati perintah raja seterusnya perkara seperti pantang menderhaka kepada raja telah ditonjolkan. Namun apa yang ingin diperlihatkan dari tiga teks yang telah disebutkan di atas, keseluruhan teks tersebut sentiasa memaparkan unsur untuk menyampaikan hajat atau keinginan

rajanya. Unsur menyampaikan keinginan atau hajat rajanya ini dapat dikatakan merupakan bahagian dari kesempurnaan daripada sebuah kesetiaan kepada raja. Yang dikatakan menyampaikan hajat rajanya misalnya dalam hal menyampaikan keinginan raja terhadap seseorang wanita yang diingini raja tersebut. Dalam Hikayat Hang Tuah misalnya, Tun Teja yang dipersembahkan oleh Hang Tuah kepada raja Melaka, demikian juga dalam Syair Awang Samaun, Awang Samaun rela berkorban untuk dapat mempersembahkan Puteri Johor kepada Raja Johor. Pada Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli juga dapat dilihat bagaimana Gocah Pahlawan sanggup menggadaikan nyawanya untuk dapat mempersembahkan Puteri Pahang kepada Sultan Iskandar Muda. Tiga buah teks ini dinyatakan bahawa menyampaikan hajat rajanya adalah merupakan bahagian dari kesempurnaan kesetiaan terhadap raja. Secara mudahnya dapat dikatakan menyampaikan hajat raja khasnya berkenaan dengan kehendak untuk dijadikan permaisuri adalah merupakan kesempurnaan dari sebuah kesetiaan terhadap raja

KESIMPULAN

Konsep taat setia memang menjadi inti penting di dalam politik Melayu sejak zaman tradisional. Oleh kerananya jelaslah konsep kesetiaan telah menarik perhatian pengarang kesusasteraan Melayu tradisional untuk disampaikan kepada masyarakat melalui melalui hasil karya kesusasteraan yang dihasilkannya. Di antara kajian yang menarik termasuklah nilai kesetiaan yang terkandung dalam Hikayat Keturunan Raja Negeri Deli. Nilai kesetiaan yang dibincangkan bukanlah kesetiaan yang membuta tuli seorang pembesar kerajaan kepada rajanya. Konsep kesetiaan yang dibincangkan lebih merujuk kepada falsafah raja adil raja disembah raja tiada adil raja disanggah. Di samping itu juga disampaikan bagaimana personaliti yang buruk seorang raja boleh mendapat penentangan dari pembesar kerajaan. Penentangan yang boleh dilakukan melalui tindakan meninggalkan rajanya. Seorang pembesar kerajaan harus taat setia pada raja dan sangat tidak diharapkan untuk derhaka. Namun ketaatan tersebut tidaklah

merupakan ketaatan yang melulu, apabila menyalahi undang-undang ataupun peraturan agama, tidak selayaknya raja untuk ditaati. Walau bagaimanapun cara yang diperlihatkan oleh Gocah Pahlawan untuk tidak menunjukkan ketaatan ialah, dengan meninggalkan raja tersebut dan bukan berperang melawannya walaupun ada kekuatan dan kesempatan untuk berbuat begitu.

RUJUKAN

- Abu Ali Al-Banjari an-Nadwi. (1922). *Sejarah Perkembangan Islam di India*. Kedah: Khazanah Banjariyah.
- Abu Hassan Sham (1980). *Diskusi Peristiwa-peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication
- Anderson, John. (1971). *Mission to East Coast of Sumatra in 1823*. Kuala Lumpur Singapore / New York / London: Oxford University Press.
- Ariffin Omar (1999). *Revolusi Indonesia Dan Bangsa-bangsa Melayu Runtuhnya Kerajaan-Kerajaan Melayu Sumatera Timur Pada Tahun 1946*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- A. Samad Ahmad (Peny.). (1979). *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Braginsky, V. I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLU Press.
- Dada Meuraxa (1975). *Sejarah Hari Jadinya Kota Medan 1 Juli 1590*. Medan: Sastrawan.
- Djamaris, Edwar. (1990). *Menggali Khazanah Sastra Melayu Klasik (Sastra Indonesia Lama), Sastra Tradisional, Sastra Berisi Sejarah, Sastra Pengaruh Islam*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Ding Choo Ming. (2003). *Kajian Manuskrip Melayu Masalah Kritikan dan Cadangan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Endicott, Kirk Michael. (1970). *An Analysis of Malay Magic*. Oxford: Cleren and Press.

- Haron Daud. (1993). *Sejarah Melayu Satu Kajian Daripada Aspek Pensejarahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, (Peny.). (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasjmy. (2003). *Lima Puluh Tahun Aceh Membangun*. Medan: Bali
- Imran Teuku Abdullah. (1991). *Hikayat Meukuta Alam*. Jakarta: Intermedia.
- Ismail Hamid. (2001). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1979). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid M. Hussain. (1992). *Taj Us-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kay Kim Khoo. (1979). *Panji-Panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Knappert, J. (1980). *Myth and Legends of Indonesia*. Singapore, Kuala Lumpur, Hongkong: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Lombard, Denys. (2008). *Kerajaan Aceh Zaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia).
- Lim Pui Huen, Morrison, Kwa Chong Guan (Ed.).(2000). *Sejarah Lisan di Asia Tenggara Teori Dan Metode*. Jakarta: Pustaka Lp3Es Indonesia.
- M. Junus Djamil. (1959). *Gajah Putih Iskandar Muda*. Kuta Radja: Lembaga Kebudayaan Atjeh.
- Mahadi. (1976). *Sedikit Sejarah Perkembangan Hak-Hak Suku Melayu Atas Tanah Di Sumatera Timur Tahun 1800-1975*. Bandung: Alumni
- Milner, A.C.(1982). *KERAJAAN: Malay Political Culture Eve of Colonial Rule*. Associate for Asian Studies, Monograph 40.Tuscon: The University of Arizona Press.

- Mohammad Said, (1981). *Aceh Sepanjang Abad*. Medan: Percetakan dan Penerbitan Waspada.
- Muhammad Qamaruddin. (2004). *A Politico-Cultural Study of the Great Mughuls (1526-1707)*. New Delhi: Adam Publishers.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1992). *Pensejarahan Melayu Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim. (1977). *Ilmu Sejarah Falsafah, Pengertian, dan Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- P.J.Veth. (1877). *Het Landschap Deli op Sumatra*. TNAG. Deel II, Panitia Penyelenggara Musabaqah Tilawatil Qur'an Tingkat Nasional ke-12, 1981. Dari Sini Ia Bersemi. Banda Aceh: Pemerintah Daerah Istimewa Aceh.
- Panuti Sudjiman. (1995). *Filologi Melayu*. Jakarta: P.T. Dunia Pustaka Jaya.
- Parnickel, Boris. (1995). *Sastera Nusantara Serumpun (Abad ke-7 - ke-19)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pudentia Mpss (Editor). (1998). *Metodologi Kajian Tradisi Lisan, Seri Tradisi Lisan Nusantara*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Yayasan Asosiasi Tradisi Lisan.
- Reed, A.W., Hames A. I.(1967). *Myths and legends of Fiji and Rotuma, Welington*. Literary Productions Ltd.
- Reid, Anthony. (1979). *The Blood of the People, Revolusiand the of Traditional Rule in Northern Sumatra*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reiza D. Dienaputra. (2006). *Sejarah Lisan Konsep dan Metode*. Bandung: Milnor Books.
- Robson, S.O.(1988). *Principles Of Indonesian Philology*. U.S.A.: Foris Publication
- S. Budisantoso (dkk). (1995). *Masyarakat Melayu Riau dan Kebudayaanannya*. Pekanbaru: Pemerintah Propinsi Daerah Tingkat I Riau.

- Sahlan Mohd. Saman. (1994). *Pengarang dan Kepengarangan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sartono Kartodirdjo. (1982). *Pemikiran dan Perkembangan Historiografi Indonesia, Suatu Alternatif*. Jakarta: Gramedia.
- Shaleh Saidi. (2003). *Melayu Klasik, Khazanah Sastra Sejarah Indonesia Lama*. Denpasar: Larasan Sejarah.
- Schrieke, B.(1959). *Indonesian Sociological Studies* Jilid II. Brussel: Uitgevermaatschappij A. Manteau N.V.
- Sidi Gazalba. (1966). *Pengantar Sejarah Sebagai Ilmu*. Bhratara Karya Aksara.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, W. Ramsay. (1970). *Myth and Legends of The Australian Aborigines*. Sydney: George G.Harrap& Company Ltd
- Sri Mulyono. (1979). *Wayang dan Karakter Manusia*. Jakarta: Gunung Agung
- Sulastin Sutrisno. (1983). *Hikayat Hang Tuah: Analisa Struktur dan Fungsi*. Yogyakarta: Gajah Mada University Press
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- T. Admansyah. (2000). *Sari Sejarah Melayu Dahulu dan Sekarang Serta Peradabannya*. Medan: Yayasan karya budaya nasional.
- T. Aiyub. (2000). *Sejarah Pertumbuhan Sastra Indonesia di Sumatera Utara*, Medan: Pusat pembinaan dan pengembangan bahasa departemen pendidikan nasional.
- T. Ibrahim. M. Alfian. (1984). *Sejarah sosial Daerah Sumatra Utara: Kota Madya Medan*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- T. M. Lah Husny. (1975). *Lintasan Sejarah Peradaban dan Budaya Melayu-Pesisir Deli Sumatera Timur 1612-1950*. Medan: BP Husny.
- Taufik Abdullah. (1995). *Ilmu Sejarah dan Historiografi Arah Dan Perspektif*. Jakarta: Gramedia

- Tengku Iskandar. (2001). *Hikayat Aceh*. Kuala Lumpur: Projek Karya Agung Yayasan Karyawan.
- Thaib, Rustam (dkk.). (1959). *50 Tahun Kotapradja Medan*. Medan: Jawatan Penerangan Kotapradja Medan.
- Timbul Siregar. (1980). *Sejarah Kota Medan*. Medan: Yayasan Pembina Jiwa Panca Sila, Sumatera Utara.
- Huynh, Thomas. (2008). *The Art of War- Spirituality for Conflict: Annotated & Ekplained*. U.S.: Sky Light Path Publishing.
- Usman Pelly dkk. (1985). *Sejarah Kota Madya Medan 1950-1979*, Medan: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Van Langenberg, Michael. (1982). *Class and Ethnik Conflict in Indonesia's Decolonization Process. A Study of East Sumatra, Indonesia*. South East Asia Project, Ithaca: Cornell University.
- Wellek, Rene dan Warren, Austin. (1995). *Teori Kesusastraan*. Terjemahan oleh Melani Budianta. Jakarta: Gramedia.
- Winstedt, Sir Richard Olof. (1966). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Wood Grad Historian's Handbook. (1964). *A Key To The Study and Writing of History*. Boston: Huegton Mufflin Company.
- Zahrah Ibrahim. (1986). *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.